



SIARAN AKHBAR

PRESS STATEMENT

S.A. 2018/08/54 (HQ)

PROJEK RINTIS TNB DALAM MENJAYAKAN NATIONAL CONNECTIVITY PLAN (NCP)

JASIN - TNB akan memulakan projek rintis atau pilot project bulan ini di Jasin untuk menilai aspek teknikal, keselamatan dan keboleh harapan komersial dengan menggunakan infrastruktur TNB bagi menjayakan National Connectivity Plan (NCP) iaitu akses internet yang lebih pantas, lebih murah dan lebih meluas.

“Projek Rintis ini dijangka siap pada akhir tahun 2018, meliputi 1,100 daripada 4,300 kediaman di tiga kawasan iaitu Taman Merbau, Taman Maju dan Felda Kemendor, di Jasin ini,” kata Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie.

Menurut Moggie, mereka yang terlibat akan mendapat akses kepada rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi atau ‘High Speed Broadband’ (HSBB), menggunakan fiber optik milik TNB sedia ada.

“Sistem telekomunikasi merupakan bahagian penting bagi industri utiliti seperti TNB. Sejak bertahun lamanya kami telah membangunkan rangkaian telekomunikasi bagi tujuan ini,” kata Moggie lagi.

Beliau juga menjelaskan, syarikat utiliti tenaga itu menggunakan teknologi fiber optic sebagai sebahagian daripada reka bentuk dan keperluan operasi grid elektrik bagi memastikan bekalan elektrik yang berdaya harap di seluruh semenanjung.

“Melalui projek rintis ini, TNB akan meneroka potensi menggunakan kapasiti sedia ada aset telekomunikasi kami untuk National Connectivity Plan – yang telah dikenalpasti sebagai pemangkin ke arah ekonomi digital, tanpa kompromi kepada keselamatan dan kestabilan rangkaian bekalan elektrik” ujarnya.

TNB, dengan sokongan kuat daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCOMM) dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC) telah pun dijemput untuk bersama mengambil peranan mempercepatkan program NCP ini.

“Projek rintis ini akan menjadi platform bagi menguji konsep Akses Terbuka (Open Access) yang dicetuskan oleh MCOMM. Platform ini dijangka merangsang penyertaan aktif dari pembekal baru dan sedia ada dalam jaringan (backhaul) dan jalur lebar runcit yang akan mewujudkan persaingan dan menurunkan harga jalur lebar untuk manfaat rakyat Malaysia,” kata Moggie.

“Kami merakamkan penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri Melaka. Sokongan dan kerjasama yang diberikan kerajaan negeri akan membolehkan projek perintis NCP berjalan lancar,” tambahnya.

TNB akan memanfaatkan hasil projek rintis ini untuk membuat pertimbangan mengenai commercial viability ke arah kemungkinan melaksanakannya pada skala lebih besar di seluruh negara.

Dikeluarkan di Jasin, Melaka pada September 6, 2018 pada 1.00 petang

*Sila majukan sebarang pertanyaan media kepada Norfadzilah Shaary di talian 019-3369681/
Fazreen Eksan di talian 019-316 0401 atau emel kepada media@tnb.com.my*